MAJLIS PERBANDARAN KULAI

IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohon yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan Jawatan yang ditawarkan :-

SKIM PERKHIDMATAN	**:**	**PEMBANTU OPERASI**
KLASIFIKASI	**:**	**PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	**:**	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN/GAJI	**:**	**N11**

JADUAL GAJI

GRED		**JADUAL MININUM-MAKSIMUM**
N11	**:**	**RM 1,216.00 - RM 2,983.00**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   a) Warganegara Malaysia;

   b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan: (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00) atau

   (ii) Lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan (Gaji permulaan ialah pada pada Gred N11: RM1,262.15)

   (iii) Berkebolehan memandu dan mengendali semua jenis jentera pemunggah dalam pelbagai saiz dan kekuatan serta boleh mengendali dan menyelenggara Kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

   (**Syarat tambahan:** bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)

SYARAT KELAYAKAN

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya **BAHASA MELAYU** Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian

Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3.	Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4.	Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5.	Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	6.	Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7.	Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8.	Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	9.	Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
TARAF JAWATAN	10.	**TETAP**